

**DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA  
DI IPOH, PERAK**

**TUNTUTAN NO : TPPM-A-(B)-250-2011**

**LOO YAU KUEN - PIHAK YANG MENUNTUT**

**ABC PETS SDN. BHD - PIHAK PENENTANG**

**ALASAN PENGHAKIMAN**

**TUNTUTAN PIHAK YANG MENUNTUT**

Tuntutan Piak Yang Menuntut (PYM) dalam kes ini adalah untuk mendapatkan semula bayaran pembelian seekor anak anjing *poodle* dan kos perubatan terhadap anak anjing tersebut akibat daripada jangkitan kuman yang akhirnya menyebabkan kematian kepada anak anjing tersebut.

PYM telah membeli anak anjing tersebut pada harga RM900.00 dari syarikat Penentang untuk dijadikan binatang peliharaan PYM sendiri. Pada hari pertama dan kedua selepas membeli anak anjing tersebut, anak anjing tersebut tidak menunjukkan sebarang masalah. Walau bagaimanapun, pada hari yang ketiga, anak anjing tersebut tidak mahu makan, hal ini merisaukan PYM. Sehubungan dengan itu, PYM telah membawa anak anjing tersebut berjumpha doktor haiwan pada hari berikutnya (hari keempat). Pada hari keempat, sebelum membawa anak anjing tersebut berjumpha doktor haiwan, pada awal pagi hari keempat berkenaan, PYM telah mencuba menghubungi pejabat Penentang, walau bagaimanapun tidak ada jawapan mungkin disebabkan pejabat Penentang masih belum dibuka lagi. Memandangkan keadaan kesihatan anak anjing tersebut semakin teruk, PYM terpaksa membawa anak anjing tersebut terus berjumpha doktor haiwan.

Apabila doktor haiwan membuat pemeriksaan ke atas anak anjing tersebut, PYM dimaklumkan bahawa anak anjing tersebut dijangkiti oleh virus *Canine Parvovirus* dan keadaan anak anjing tersebut adalah kritikal. Keesokan harinya (hari kelima) anak anjing tersebut telah mati.

## **PEMBELAAN PENENTANG**

Penentang dalam pembelaannya merujuk kepada *prosedur standard* serta syarat-syarat jualan yang dinyatakan pada resit pembayaran, di mana Penentang tidak akan bertanggungjawab ke atas keadaan binatang yang dijual selepas jualan. Namun begitu, Penentang pernah memaklumkan kepada PYM bahawa sekiranya binatang peliharaan tersebut jatuh sakit, PYM mestilah telefon Penentang. Hal ini penting kerana Penentang akan mencadangkan kepada PYM doktor haiwan yang sesuai dan dikenali oleh Penentang.

Dalam kes ini PYM tidak telefon Penentang untuk memaklumkan masalah anak anjing tersebut dan terus membawa kepada doktor haiwan pilihan PYM sendiri. Sehubungan dengan itu, Penentang tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap kematian serta kos perubatan anak anjing tersebut.

## **KEPUTUSAN TRIBUNAL**

Dalam kes ini barang yang dibeli oleh PYM adalah seekor anak anjing peliharaan dari baka *poodle* yang sememangnya cantik dan lebih berharga daripada anjing biasa. Seperti barang yang lain juga, barang yang dibeli oleh PYM ini adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah Akta Pelindungan Pengguna, 1999. Sehubungan dengan itu, barang yang dibeli oleh PYM ini mestilah mematuhi gerenti tersirat mengenai kualiti boleh terima. Di bawah Seksyen 32(1) Akta tersebut di atas, jelas dinyatakan tersirat suatu gerenti bahawa barang itu adalah daripada kualiti boleh terima dan di bawah seksyen 32(2) Akta tersebut di atas pula, di antara barang yang disifatkan daripada kualiti boleh terima adalah : (iii) bebas daripada kecacatan yang kecil (iv) selamat; dan (v) tahan lama.

Seekor anak anjing dari baka yang baik dan dijual pada harga RM900.00 seharusnya mempunyai sifat dan kualiti yang baik. Tambahan lagi, anak anjing dari baka yang baik ini, seharusnya diberikan *vaccination* untuk menghindari dari jangkitan virus yang merbahaya. Dari definisi yang diambil dari Wikipedia, penyakit *Canine Parvovirus* di nyatakan seperti berikut:

*"Canine Parvovirus is a contagious virus mainly affecting dogs. This disease is highly contagious and is spread from dog to dog by direct or indirect contact with their faeces. It can be*

*especially severe in puppies that are not protected by maternal antibodies or vaccination. Dogs that develop the disease show symptoms of the illness within 5-10 days. The symptoms include lethargy, vomiting, fever and diarrhea. Prevention is the only way to ensure that a puppy remains healthy because the disease is extremely virulent and contagious. Puppies are generally vaccinated in a series of doses...."*

Ini jelas menunjukkan bahawa penyakit tersebut adalah suatu penyakit yang merbahaya kepada anjing serta penyakit tersebut mudah berjangkit. Bagi peniaga yang perniagaannya adalah berkaitan dengan penjualan binatang peliharaan sepatutnya mengetahui bahawa binatang peliharaan yang dijual kepada pelanggan sepatutnya binatang peliharaan yang sihat. Peniaga tersebut juga perlu mengambil tindakan untuk memastikan binatang peliharaan tersebut sihat sebelum dijual. Di dalam kes ini, tidak ada kenyataan yang menunjukkan anak anjing tersebut telah diberikan *vaccination* sebelum dijual. Memandangkan jangkitan tersebut menunjukkan simptom jangkitan dalam masa 5 hingga 10 hari dan berpunca jangkitan dari anjing-anjing yang lain. Sehubungan dengan itu, jelas menunjukkan bahawa anak anjing tersebut telah dijangkiti virus semasa anak anjing tersebut di dalam jagaan dan kawalan Penentang sebelum dijual kepada PYM.

Berkenaan dengan pembelaan *conditions of sale* Penentang yang ia tidak bertanggungjawab setelah binatang peliharaan tersebut dijual. Hal ini bercanggah dengan kenyataan wakil Penentang iaitu Encik Wong yang menyatakan bahawa sekiranya binatang perliharaan tersebut jatuh sakit, pelanggan mesti memberitahu pihak Penentang agar ia dihantar kepada doktor haiwan yang dicadangkan. Perkataan yang digunakan adalah "mesti". Kenapa pula "mesti" dihantar kepada doktor haiwan yang Penentang cadangkan? Adakah Penentang masih hendak mengambil keuntungan tambahan daripada binatang perliharaan yang telah dijual tersebut? Perkara sebegini tidaklah sepatutnya berlaku.

Binatang perliharaan yang dijual semestinya binatang perliharaan yang sihat. Binatang perliharaan yang sihat dan bebas daripada jangkitan penyakit berjangkit merupakan suatu kehendak dan idaman pelanggan. Walau bagaimanapun, dalam kes ini, simptom penyakit anak anjing tersebut hanya dapat dikesan selepas 5-10 hari dijangkiti. Sehubungan dengan itu, pelanggan iaitu PYM dalam kes ini, yang hendak membeli binatang perliharaan tersebut tidak ada keupayaan untuk mengetahui

sama ada binatang perliharaan tersebut sudah dijangkiti penyakit atau sebaliknya. Hanya setelah binatang perliharaan tersebut dibawa balik, baru simptom penyakit dapat dikesan. Perkara sebegini tidak sepatutnya berlaku. Malah pelanggan iaitu PYM dalam kes ini, juga tidak seharusnya terpaksa mengeluarkan perbelanjaan lebih untuk rawatan atau perubatan binatang perliharaan tersebut. Justeru, berdasarkan kepada justifikasi yang dinyatakan di atas, maka, kedua-dua tuntutan PYM iaitu harga belian sejumlah RM900.00 dan kos perubatan sejumlah RM190.00 dibenarkan.

## **AWARD BORANG 10**

Penentang hendaklah membayar balik kepada Pihak Yang Menuntut (PYM) sejumlah RM1,090.00 (merangkumi harga belian sejumlah RM900.00 dan kos perubatan sejumlah RM190.00) dalam tempoh 14 hari dari tarikh award diserahkan.

**MAZNAH BINTI HARON**  
**PRESIDEN**  
**TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA**  
**MALAYSIA**

Tarikh: 12 Julai 2011